

4 bot Vietnam dikejar dua jam

31 ditahan dalam serbuan, barang RM4.2j kena rampas

BH 27/3/2028 Ms:21

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Pasir Puteh: Cubaan 31 nelayan Vietnam melarikan diri ke sempadan perairan selepas empat bot mereka dikejar lebih dua jam gagal apabila ditahan menerusi dua serbuan berasingan.

Serbuan yang membawa kepada rampasan bernilai RM4.2 juta itu dilakukan sepasukan pegawai dan anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan pada Isnin dan Rabu lalu menerusi Op Naga Barat, Op Kuda Laut dan Op Damai.

Pengarah Maritim Kelantan, Kepten Syed Nor Adli Syed Ab Rahman, berkata serbuan per-

tama dilakukan Isnin lalu ketika bot ronda melakukan rondaan mendapati dua bot nelayan asing dipercayai dari Vietnam dikesan jam 3.45 petang.

Beliau berkata, pihaknya menahan kedua-dua bot berkenaan dan mendapati bot pertama dikendalikan lima kru termasuk tekong, manakala bot kedua dikendalikan dua kru termasuk tekong.

"Kedua-dua bot ditahan pada jarak 64 batu nautika dari Muara Tok Bali dan kita mengambil masa 16 jam untuk mengiringi ke Jeti Maritim bagi siasatan lanjut," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, dua lagi bot ditahan oleh *KM Jujur* pada Rabu lalu hasil maklumat disalurkan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang melaksanakan rondaan.

"Bot pertama ditahan 8.45 pagi membabitkan enam kru termasuk tekong warga Vietnam, manakala bot kedua ditahan jam 10.57 pagi membabitkan 18 kru termasuk tekong.

"*KM Jujur* mengambil masa lebih dua jam untuk menahan

kedua-dua bot, sebelum mengambil masa lebih 48 jam untuk tiba di Jeti Maritim," katanya.

Tidak beri kerjasama

Beliau berkata, bot pertama ditahan pada jarak lebih kurang 180 batu nautika dari Muara Tok Bali, manakala bot kedua ditahan pada jarak 170 batu nautika dari muara sama.

"Ketika penahanan, keempat-empat bot berkenaan tidak memberikan kerjasama dan cuba melarikan diri ke sempadan negara, sebelum berjaya ditahan.

"Pemeriksaan mendapati, kesemua 31 kru termasuk tekong warga Vietnam daripada empat bot yang ditahan berusia 14 hingga 64 tahun. Semua mereka tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

"Keempat-empat bot juga tidak memiliki permit untuk menangkap ikan mengikut Akta Perikanan 1985," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, penahanan 31 kru berkenaan membawa kepada rampasan



Syed Nor Adli menunjukkan nombor pendaftaran palsu bot nelayan Vietnam di Jeti Maritim Malaysia Kelantan, Tok Bali, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

empat bot termasuk peralatan navigasi, peralatan menangkap ikan, ikan lebih kurang 1,000 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM4.2 juta.

Sementara itu, Maritim Kelantan melupuskan 11 bot nelayan asing untuk dijadikan tukun tiruan sepanjang tiga bulan pertama tahun ini.

Syed Nor Adli berkata se-

mua 11 bot berkenaan bernilai RM11.15 juta yang dirampas pada 2021 dan tahun lalu.

Katanya, proses menenggelamkan bot berkenaan mendapat kerjasama Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) menerusi Jabatan Perikanan Malaysia untuk memastikan tukun bot itu sesuai menjadi tempat pembiakan ikan.